

## **Resorts World Genting Rai Hari Kebangsaan dengan Rangkaian Aktiviti dan Tawaran yang Hebat**

**Genting Highlands, 28 Ogos 2023** – Ingin menyambut Hari Kebangsaan yang berbeza dan unik tahun ini? Jangan lihat lebih jauh lagi. Resorts World Genting yang terletak 6000 kaki di atas paras laut, menawarkan percutian yang menyegarkan dengan cuaca tenang yang sejuk dan pengalaman mesra keluarga. Kali ini, Resorts World Genting menyediakan pelbagai aktiviti dan tawaran makanan menyeronokkan yang direka khas sempena sambutan Hari Kebangsaan dengan #RWGMerdekaCaraKita.

### **Pesta Trak Makanan di bawah Bintang di Resorts World Awana**

Manfaatkan sepenuhnya cuti sekolah dari 28 Ogos hingga 3 September 2023, dari jam 3 petang hingga 11 malam, dengan menjamu anak-anak anda dengan pesta trak makanan yang tidak dapat dilupakan, dibawah gugusan bintang di tempat letak kereta terbuka, Resorts World Awana (RWA). Kerjasama dengan TAPAK Urban Street Dining ini akan menawarkan pengalaman makan di luar yang unik, dilengkapi dengan persembahan busking secara langsung dan cahaya unggun api, semuanya secara percuma.

Mulakan pengalaman menakjubkan ini dengan ditemani oleh kucing anda. Bawa kucing anda bersama untuk pameran MEOWsome, salah satu program unik di pesta ini dan ambil peluang untuk berkenalan dengan rakan pemilik dan peminat kucing yang lain. Menambahkan lagi keterujaan, pada 31 Ogos pakaikan kucing anda dengan pakaian bertema "Patriotik" untuk pertunjukan fesyen kucing. Pendaftaran bermula pada jam 5 petang, dan pertandingan akan bermula pada jam 7 malam. Kucing yang paling patriotik akan membawa pulang hadiah yang menarik daripada Kelab Meow United.

Bersiap sedia untuk rambang mata memilih trak makanan mesra Muslim kami. Antara pilihan yang menarik ialah; Nacholaslah, gabungan rasa Mexico dengan sentuhan tempatan yang menyajikan taco dan quesadilla dengan inti unik seperti rendang ayam dan daging, manakala Harimau Lok Lok menawarkan pelbagai jenis makanan yang dicucuk dengan lidi yang menyelerakan. Tidak ketinggalan, Shell Out Fusion oleh pasukan F&B RWA yang menyajikan

hidangan makanan laut yang luar biasa dengan menggabungkan khazanah laut dengan pelbagai jenis sos yang lazat. Untuk menikmati setiap gigitan sepenuhnya, gabungkan ia dengan roti mantao kukus yang gebu dan halus. Bagi mereka yang meminati hidangan klasik Malaysia, terdapat Pak Tam Char Kway Teow, Mat Rock Ayam Kunyit dan juga Mimie Coconut Shake.

Sama ada anda ingin bersantai bersama keluarga anda di malam hari, mencari makanan yang menarik bersama rakan-rakan atau ingin menambahkan sentuhan keceriaan pada Instagram anda, acara selama seminggu ini akan memenuhi semua keinginan tersebut. Persembahan busking secara langsung dari jam 5 petang pasti akan memikat hati tetamu dan melodi indah mengisi Resorts World Awana dengan rasa kemesraan dan keceriaan. Di tengah-tengah semuanya, unggun api akan dinyalakan pada jam 8 malam, memancarkan cahaya lembut di atas tempat letak kereta yang terbuka. Jangan lepaskan peluang ini untuk membakar gula-gula marshmallow anda sendiri di atas unggun api dan mencipta kenangan abadi bersama yang tersayang.

### **Pertunjukan SkySymphony “Merdeka Cara Kita” di Tingkat 1, SkyAvenue**

Pertunjukan SkySymphony yang dimainkan setiap jam dari 10 pagi hingga 10 malam setiap hari akan menayangkan tontonan baharu. Bersedia untuk dibawa ke dunia alternatif pada jam 8:30 malam, 30 Ogos 2023 untuk pertunjukan perdana "Merdeka Cara Kita" di mana tarian 1,001 bola kinetik digantung dari siling empat tingkat dalam irama sempurna dengan simfoni lampu, muzik dan teknologi akan dipertontonkan.

Pertunjukan ini akan menyaksikan Mia menggunakan bola futuristik dan mendarat di Kuala Lumpur moden. Dalam pengembaraannya untuk menerokai warisan budaya Malaysia, beliau diiringi oleh Awan, Siamang yang pandai menari. Mereka mengambil bahagian dalam beberapa siri aktiviti kebudayaan, yang membawa kepada persembahan akhir di Resorts World Genting bertemakan #RWGMerdekaCaraKita, meraikan kesepakatan, kepelbagaian dan keharmonian negara kita

### **Magis waktu malam di Gohtong Way, Central Park**

Gohtong Way, Central Park yang terletak di Taman Tema Genting SkyWorlds yang dinamakan sempena pengasas kami, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lim Goh Tong, adalah syurga percuma untuk semua peringkat umur yang akan bertukar menjadi dunia magis selepas matahari terbenam. Keluarga dan sahabat handai boleh hadir Bersama-sama untuk meraikan kesatuan

hati, perpaduan dan harmoni dengan menikmati pelbagai makanan, persembahan muzik secara langsung, pertunjukan air pancut, dan juga perlawanan langsung bola sepak Liga Perdana Inggeris 2023/24.

Dari Roti Pratha Muhibbah Bro yang ikonik dengan kari ayam kepada Harimau Lok Lok dan Jom Makan yang lazat, trak makanan Gohtong Way menawarkan pelbagai pilihan makanan yang membolehkan tetamu menikmati masakan pelbagai budaya Malaysia di tengah-tengah persekitaran yang sejuk.

Gohtong Way akan dibuka setiap hari dari jam 6 petang hingga jam 11 malam, kecuali pada hari Selasa, melainkan jatuh pada cuti umum Malaysia.

### **Kiraan Detik Hari Kebangsaan di Gohtong Way**

Menjelang Hari Kebangsaan, mari bersama-sama nantikan pertunjukan bunga api di Gohtong Way yang akan berubah menjadi pemandangan berkilauan. Sertai kiraan detik pada jam 11:59 malam dan berseronok dengan piroteknik yang menakjubkan, meraikan kemajuan dan perpaduan negara kita. Pertunjukan bunga api tertakluk kepada keadaan cuaca. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.rwgenting.com](http://www.rwgenting.com)

– Tamat –

#### **For media enquiries, please contact:**

**Ms Michelle Wong**

Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

**Ms Evin Chan**

Executive  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 2333 6742  
Email: [evin.chan@rwgenting.com](mailto:evin.chan@rwgenting.com)

### **About Genting Malaysia**

Genting Malaysia is one of the leading leisure and hospitality corporations in the world. Listed on Bursa Malaysia with approximately RM16 billion in market capitalisation, Genting Malaysia owns and operates major resort properties including Resorts World Genting (RWG) in Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), as well as Resorts World Catskills (RW Catskills) and Resorts World Hudson Valley (which are 49%-owned via an associate company), in the United States (US), Resorts World Bimini (RW Bimini) in the Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham) and over 30 casinos in the United Kingdom (UK), and Crockfords Cairo in Egypt. Genting Malaysia also owns and operates two seaside resorts in Malaysia, namely Resorts World Kijal in Terengganu and Resorts World Langkawi on Langkawi island.

With about 10,500 rooms across seven distinct hotels, RWG is Malaysia's premier integrated resort destination. The resort also features wide-ranging leisure and entertainment facilities, including gaming, theme park and amusement attractions, dining and retail outlets, as well as international shows and business convention facilities. Genting SkyWorlds Theme Park, a first class, world-class theme park is a key attraction in augmenting RWG's integrated entertainment line-up. Additionally, Genting Highlands Premium Outlets (a joint venture between Genting Plantations Berhad and Simon Property Group) at the mid-hill, further complement RWG's extensive premium offerings and exemplifies its position as a leading provider of leisure and entertainment in the region.

Genting Malaysia is a member of the Genting Group, one of Asia's leading and best-managed multinational companies. The Genting Group is led by Tan Sri Lim Kok Thay, a visionary entrepreneur who has successfully established the Resorts World brand as a leader in the leisure and hospitality sector in Malaysia, Singapore, the US, the Bahamas and the UK. Tan Sri Lim Kok Thay also has significant investments in other industries globally including oil palm plantations, property development, power generation, oil and gas and biotechnology.